

RAH

PM NASTHATT MAJLIS PEGUAM BERSIH DIRI DULU
Mahathir - Peguam

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihati Majlis Peguam supaya membersihkan diri terlebih dahulu sebelum cuba mencari kesalahan orang lain.

Perdana Menteri berkata, Majlis Peguam sering menekankan supaya kerajaan menghormati pemerintahan mengikut undang-undang sedangkan Majlis Peguam itu sendiri tidak mematuhi undang-undang.

+Orang ini berani cakap kepada kita mesti ada +rule of law+, tengok ekor awak Ai Lu sebelum menghukum, penuh dengan tahj, +katanya ketika menggulung perbahasan pada akhira Perhimpunan Agung UMNO di sini.

Beliau membidas majlis peguam itu kerana tidak mengikut undang-undang semasa cuba menyingkirkan Ketua Hakim Negara, Tun Hamid Omar daripada jawatannya melalui prosiding menghina mahkamah.

Caraitu tidak diperuntukkan dalam Perlembagaan dan mereka sebagai peguam yang arif dalam undang-undang sepatutnya tahu mengenainya.

Datuk Seri Dr Mahathir mencabar majlis peguam agar menunjukkan peruntukan undang-undang yang menyatakan bahawa seseorang hakim itu boleh dibuang melalui proses berkeajaan. -- Lagi.

♥10/11/20-48MST

CNS1082

U GB 10-11 00164 BH181

RAH

Mahathir - Peguam 2 Kuala Lumpur

Beliau juga membidas bekas Ketua Hakim Negara, Tun Suffian Hashim yang menyokong pendirian Majlis Peguam mendesak kerajaan memerintah mengikut +rule of law+.

Perdana Menteri juga mengecam Tun Suffian kerana kenyataannya bahawa Presiden George Bush dari Amerika Syarikat akan merasa iri hati dengan kuasa yang ada pada Datuk Seri Dr Mahathir.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Perdana Menteri berkata, beliau yakin Majlis Peguam akan memutar-belitkan segala ucapan mengenai badan itu semasa Perhimpunan Agung ini kepada persatuan-persatuan lain di dunia terutama Amerika Syarikat.

+Ini memanglah cara mereka... kita tak harus berlembut lagi dalam perkara ini, +tegas beliau.

Mengenai cadangan pindaan terhadap Akta Profesion Undang-undang 1976 supaya majlis peguam itu tidak melampaui hak dan kebebasan, beliau berkata, perkara itu akan dibuat mengikut undang-undang.

+Kita tidak akan berbuat sesuatu yang melanggar Perlembagaan ataupun undang-undang, kita memang mengamalkan rule of law... yang tak amalkan (rule of law) ialah Majlis Peguam, +katanya. -- Lagi.

♥10/11/20-51MST

CNS1083

U GB 10-11 00083 BH182

RAH

Mahathir - Peguam 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Dalam ucapannya selama lebih sejam itu, Perdana Menteri juga berkata bahawa para pegawai kerajaan tidak akan dibenarkan bergiat dalam politik seperti di cadangkan perwakilan ketika perbahasan pada perhimpunan itu.

Katanya, sistem pertadbiran akan terjejas sekiranya para pentadbir dibenarkan bergiat dalam politik.

Beliau juga menegaskan perlunya para pemimpin UMNO terus berusaha mengukuhkan parti dengan memberikhiidmat yang baik kepada anggota dan rakyat supaya parti itu terus berkuasa. -- Bernama.